



11 NOV, 2021

Vaksin COVID-19 keluaran tempatan ada sijil halal



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Vaksin COVID-19 keluaran tempatan ada sijil halal

Kuala Lumpur: Pembangunan vaksin COVID-19 tempatan akan dilengkapi pensijilan halal sebagai nilai tambah berbanding pelalian sama dihasilkan negara lain hasil kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata ia memberi kelebihan berkaitan pengkomersialan vaksin COVID-19 keluaran tempatan, antara lain berkemungkinan muncul vaksin COVID-19 pertama di dunia dengan tanda niaga halal yang diterima seluruh dunia.

“Selain pembabitan NPRA yang memastikan vaksin ini melalui proses sepatutnya bagi memudahkan kelulusan, penyertaan JAKIM daripada peringkat awal juga akan memberi kelebihan kepada kita.

“Barangkali kita akan hasilkan vaksin dengan tanda niaga halal pertama di dunia, ini kelebihan kepada kita,” katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Mohd Hatta Md Ramli (AMANAH-Lumut) di Dewan Rakyat semalam, Ahmad Amzad berkata, penghasilan vaksin berkaitan teknologi mRNA

tempatan juga dilaksanakan mengikut perkembangan semasa dan varian baharu.

“Adenovirus, vaksin yang aktif dihasilkan UPM (Universiti Pertanian Malaysia) juga mengikut perkembangan berhubung varian baharu ketika ini,” katanya menambah, kedua-dua projek vaksin COVID-19 Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) kini pada peringkat makmal, iaitu bukti konsep sebelum kajian praklinikal dilaksanakan.

Katanya, perkembangan semasa pada peringkat industri pula menunjukkan terdapat dua syarikat dalam negara sudah mengembangkan kemampuannya sendiri untuk melakukan proses penting untuk pengekuaran vaksin iaitu proses *fill & finish* vaksin COVID-19.

“Syarikat itu ialah Pharniaga LifeScience Sdn Bhd dengan vaksin CoronaVac dan Solution Biologics Sdn Bhd dengan Cansino.

“Walaupun matlamat ini memerlukan komitmen tinggi semua pihak, dijangka melalui pendekatan *whole of nation*, Malaysia akan berupaya meningkatkan kapasiti penghasilan vaksin sendiri pada masa hadapan,” katanya.



11 NOV, 2021

Vaksin COVID-19 keluaran tempatan ada sijil halal

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Pembangunan vaksin COVID-19 tempatan akan dilengkapi pensijilan halal sebagai nilai tambah berbanding pelalian sama dihasilkan negara lain hasil kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA). Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata ia memberi kelebihan berkaitan pengkomersialan vaksin COVID-19 keluaran tempatan, antara lain berkemungkinan muncul vaksin COVID-19 pertama di dunia dengan tanda niaga halal yang diterima seluruh dunia.